



Wasat adalah warkah dalam talian terbitan Pergas. Diwujudkan bagi menerbitkan apa jua penulisan hasil kajian dan pemikiran yang bertemakan *wasatiyah* (kesederhanaan). Ia bertujuan menyebarluaskan idea dan menggalakkan wacana *wasatiyah* dalam kefahaman dan amalan Islam dalam konteks masyarakat Islam Singapura.

Sumbangan bahan penulisan amat dialu-alukan. Semua bahan penulisan haruslah memenuhi kriteria berikut:

- Bertemakan *wasatiyah* atau relevan dengan tema *wasatiyah*. Penyumbang boleh menulis dari apa jua sudut i.e. fikih, akidah, akhlak, falsafah, sosio-agama, atau politik-agama asal sahaja isinya dapat dikaitkan dengan tema *wasatiyah*.
- Panjang penulisan ialah, minimum 1000 perkataan dan maksimum 2500 perkataan.

Penerbitan penulisan yang disumbangkan ialah atas budi bicara penuh pihak penyunting.

Pihak penyunting mempunyai hak untuk melakukan suntingan yang munasabah bagi bahan yang disumbangkan atas faktor-faktor bahasa atau ruang.

Untuk menyumbang, sila hantarkan penulisan anda ke wasat@pergas.org.sg

Barisan Penyunting: Ustaz Irwan Hadi Mohamad Shuhaimi, Ustaz Mohammad Yusri Yubhi Mohd. Yusoff, Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Puan Sundusia Rosdi
Grafik / halaman web / pembantu teknikal: Remy Mahzam, Ustazah Nurhafizah Azman

Edisi (Edition) no. 38 / April 2021

Kandungan

- Dari meja penyunting... (mukasurat 2)
- Menanggapi Tanda-tanda Kiamat Secara Adil, oleh Ustaz Mustazah Bahari (mukasurat 3)
- Ulasan Novel *Dunia Bukan Kita Punya: Beberapa Pelajaran Tentang Wasatiyah (Kesederhanaan)*, oleh Ustaz Muhammad Husin Bin Masnin (mukasurat 8)
- Digging Through the Sands of Time: The Neglected Story of Kharijite Poetry, by Ustaz Abu Bakar Assiddiq Bin Omar (mukasurat 14)

Nota: Hakcipta penerbitan artikel ini dimiliki oleh Pergas. Tidak dibenarkan mengulang cetak artikel ini di mana-mana wadah penerbitan lain dan dalam apa jua bentuk tanpa izin dari Pergas. Namun, keizinan diberikan untuk mengongsi artikel ini melalui alamat url yang asal.

Segala pendapat yang dikemukakan oleh para penulis artikel adalah milik penulis dan tidak mewakili pendirian rasmi Pergas, kecuali jika dinyatakan sedemikian secara tersurat oleh Pergas.

CONNECT WITH US

FACEBOOK FEED

Singapore Islamic Sch...
13,004 likes

Liked Share

You and 257 other friends like this

INSTAGRAM FEED

Instagram feed

FOLLOW US

www.facebook.com/ Pergas.Singapore

www.twitter.com/ pergas_spore

www.youtube.com/ PergasSingapura

instagram.com/ Pergassingapura

<https://blog.pergas.org.sg/wasat/>



Dari meja penyunting....

Alhamdulillah, dengan izin Allah taala, Wasat (no. 38) dapat diterbitkan untuk bacaan para pembaca.

Pada sempena ini juga sekalian warga Wasat ingin mengucapkan Selamat Menyambut Ramadan yang bakal menjelang di pertengahan bulan April ini. Moga Ramadan akan membawa keberkatan pada kehidupan sekalian para pembaca dan ahli keluarga.

Seperti biasa, Wasat menerbitkan tiga artikel.


Artikel pertama bertajuk, **Menanggapi Tanda-tanda Kiamat Secara Adil**, oleh *Ustaz Mustazah Bahari*. Artikel ini membicarakan tentang bagaimana menanggapi isu tanda-tanda Kiamat berikutan dengan kejadian wabak COVID-19 di dunia hari ini. Wujud sesetengah pihak yang mengaitkannya dengan Dajjal, termasuklah usaha untuk memberi vaksin bagi mencegah penularan wabak ini. Dengan melihat pada dalil-dalil syarak dan berpandu pada ulasan ulama-ulama silam dan masa kini, penulis mencadangkan sikap yang saksama yang perlu ada bagi seorang Muslim.

Artikel kedua bertajuk, **Ulasan Novel Dunia Bukan Kita Punya: Beberapa Pelajaran Tentang Wasatiyah (Kesederhanaan)**, sumbangan *Ustaz Muhammad Husin Bin Masnini*. Artikel ini mengulas novel karangan Suratman Markasan dari sudut pelajaran wasatiyah yang boleh diambil darinya. Penulis menjana enam pelajaran wasatiyah untuk renungan;

- Kesederhanaan dalam memahami teks agama
- Kesederhanaan dalam berdakwah
- Kesederhanaan dalam berpoligami
- Kesederhanaan dalam menerima pandangan
- Kesederhanaan dalam kehidupan
- Kesederhanaan dalam memanfaatkan barang buatan bukan Muslim.

Artikel ketiga ialah sumbangan *Ustaz Abu Bakar Assidiq Bin Omar*, bertajuk **Digging Through the Sands of Time: The Neglected Story of Kharijite Poetry**. Ustaz Abu Bakar, pemegang sijil ARS (bersekutu), adalah lulusan Madrasah Aljunied yang sekarang ini sedang menuntut di Universiti Jordan di Kuliah Sastera dan Bahasa Arab. Beliau menyentuh sudut kajian bahasa yang terabai sekarang ini, iaitu kajian tentang syair-syair golongan Khawarrij. Beliau berpendapat kajian ini relevan bagi konteks sekarang ini kerana ia memberi maklumat bagaimana kumpulan tegar seperti Khawarrij menggunakan bahasa dan sastera untuk mempengaruhi masyarakat.-la berguna untuk menangani pengaruh kumpulan Khawarrij baru seperti ISIS yang juga banyak menggunakan syair-syair dalam media terbitan mereka. Hal ini bakal dapat memberi perspektif tambahan dalam mengatasi masalah pelampauan dan menyebarkan wasatiyah.

Selamat membaca.
Bacalah dengan nama Tuhanmu....





Menanggapi Tanda-tanda Kiamat Secara Adil

Oleh Ustaz Mustazah Bahari

Pendahuluan

Semenjak pandemik COVID-19 melanda dunia pada tahun 2020, terdapat pelbagai teori konspirasi yang dikaitkan dengannya. Antaranya timbul suara-suara dari segelintir para pendakwah, agamawan dan orang awam yang menyatakan bahawa dunia sudah semakin hampir kepada Kiamat. Mereka mendakwa selepas wabak ini melanda, sama ada dapat dipulihkan atau tidak keadaan dunia, tanda-tanda Kiamat yang besar akan muncul.

Keadaan Masjidil Haram yang lengang tanpa solat berjemaah dan ibadah umrah. Apabila solat berjemaah dimulakan kembali, ia dijarakkan pula antara para jemaah. Justeru, mereka percaya bahawa itulah petanda Dajjal sudah bersedia untuk melancarkan misinya untuk menyesatkan manusia dengan mengikuti seruannya.

Mereka juga berpendapat bahawa pandemik COVID-19 yang melanda adalah akibat perbuatan Dajjal yang ingin memporak perandakan keadaan dunia. Vaksin yang dikeluarkan juga mengandungi maksud untuk merosakkan sistem fizikal manusia hingga mudah menurut perintah Dajjal apabila ia muncul kelak.

Makanya, masyarakat Muslim khususnya perlu bersiap sedia untuk menghadapi fitnah Dajjal yang amat dahsyat seperti yang diingatkan oleh Nabi Muhammad s.a.w.¹ Umat Islam perlu mengukuhkan jati diri dengan tidak terpedaya dengan perancangan-perancangan yang dibuat oleh para pemimpin dunia hari ini.

Iman kepada tanda-tanda Kiamat

Beriman kepada hari Kiamat merupakan rukun iman bagi setiap Muslim. Ia jelas disebutkan di dalam Al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w. Firman Allah taala,

“Sesungguhnya al-Sa’ah (Kiamat) itu pasti datang, tiada keraguan padanya.” (Ghafir: 59)

“Telah hampir dekat Kiamat dan terbelah bulan.” (Al-Qamar: 1)

Nabi s.a.w bersabda apabila ditanya Jibril di dalam hadis yang masyhur mengenai rukun iman, “(Iman) itu dengan kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikatnya, kitab-kitabnya, para rasulnya, hari akhirat dan qada’ serta qadarnya.”²

Begini juga wajib bagi umat Islam beriman kepada tanda-tanda Kiamat kerana ia disebutkan oleh Nabi s.a.w di dalam hadis-hadis yang sahih secara mutawatir.³

Justeru, tiada siapa menyangkal akan kebenaran peristiwa-peristiwa yang pasti berlaku sebagai tanda Kiamat sebelum ia berlaku.

Menurut para ulama, tanda-tanda Kiamat terbahagi kepada dua; tanda kecil dan besar. Tanda kecil bermula dengan terutusnya Nabi Muhammad s.a.w seperti di dalam sabdanya, “Jarak aku diutuskan dengan hari Kiamat seperti ini, sambil menunjukkan dua jarinya (jari telunjuk dan tengah).”⁴

Seterusnya tanda-tanda lain seperti orang Arab Badwi yang tidak berasas kaki membina bangunan-bangunan yang tinggi mencecah langit, lahirnya

anak-anak yang derhaka kepada ibunya, tersebarnya perbuatan zina dan sebagainya.

Tanda-tanda Kiamat yang besar

Menurut para ulama, terdapat banyak hadis-hadis Nabi s.a.w menyebut tentang tanda-tanda Kiamat yang besar. Di antaranya, hadis riwayat Huzaiyah bin Usaid Al-Gifari yang berkata,

“Suatu hari Nabi s.a.w muncul di hadapan kami sedang kami berbincang. Lalu, Nabi s.a.w bertanya mengenai apakah yang kami bincangkan. Kami menjawab, “Kita sedang berbicara mengenai Kiamat. Nabi s.a.w lantas bersabda, “lanya tidak akan berlaku sehingga kamu lihat sepuluh perkara yang berlaku sebelumnya. Lalu Nabi s.a.w menyebut Al-Dukhan, Al-Dajjal, Al-Dabbah, terbit matahari dari barat, turunnya Isa bin Maryam, Yakjuj dan Makjuj, berlakunya tiga lungsur, di timur, barat dan di Jazirah Arab, dan yang terakhir adalah api muncul dari Yaman mengiring manusia menuju tempat perkumpulan mereka.⁵

Syeikh Salih Al-Uthaimin berkata, “Tanda-tanda Kiamat yang besar sebahagiannya diketahui menurut susunannya, manakala sebahagian yang lain tidak diketahui. Apa yang jelas menurut susunannya adalah turunnya Isa bin Maryam dan keluarnya Yakjuj dan Makjuj. Manakala Dajjal pula akan muncul dan dibunu oleh Isa bin Maryam, kemudian akan keluar pula Yakjuj dan Makjuj.”⁶

Menurut Syeikh Salih Al-Maghamsi pula, tanda Kiamat besar bermula dengan munculnya Imam Mahdi, kemudian keluarnya Dajjal, seterusnya turunnya Nabi Isa dari langit yang akan membunuh Dajjal, setelah itu keluarnya Yakjuj dan Makjuj hinggalah akhir sekali keluarnya Al-Dabbah.⁷


Pendirian dan penilaian yang adil terhadap tanda-tanda Kiamat

Sebagai seorang Muslim yang beriman, soal hari Kiamat dan petanda-petandanya tidak boleh dipertikaikan, diragui, dipermainkan atau ditolak. Sesiapa yang mengingkari berlakunya hari Kiamat dan tanda-tanda yang disebutkan, boleh gugur imannya dan terkeluar dari Islam.

Terlalu banyak nas-nas Al-Quran dan hadis-hadis Nabi s.a.w yang menyebut tentang hari Kiamat dan tanda-tandanya sehingga tidak dapat disangkal lagi kebenarannya.

Namun, sejauh mana umat Islam perlu mendalami dan asyik membicarakan tentang hal itu? Adakah menjadi satu tanggungjawab umat Islam untuk mencari dan membongkar di mana tempat tinggalnya Dajjal sekarang dan siapakah gerangan sebenar Imam Mahdi? Bilakah Nabi Isa a.s akan turun, dari arah mana sebenarnya Yakjuj Makjuj keluar dan sebagainya?

Umat Islam perlu membezakan antara keimanan terhadap berlakunya Kiamat dan tanda-tandanya



dengan waktu terjadinya Kiamat dan munculnya tanda-tanda Kiamat tersebut.

Beriman kepada hari Kiamat serta tanda-tandanya tidak mensyaratkan umat Islam mencari dan berusaha membongkar setiap tanda bilakah ianya akan berlaku. Ini jelas disebutkan di dalam Al-Quran,

“Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai hari Kiamat, bilakah akan berlaku. Katakanlah sesungguhnya ilmu pengetahuan mengenainya hanya di sisi Tuhanmu, tidak dijelaskan waktunya terjadinya kecuali hanya Dia Yang Mengetahuinya..” (Al-A’raf: 187)

Sebelum perihal Dajjal menjadi sensasi dek COVID-19, hal Imam Mahdi terlebih awal muncul dengan banyaknya.

Seawal tahun 116 Hijrah di zaman Khalifah Hisyam bin Abdul Malik seorang lelaki yang bernama Al-Harith bin Suraij telah mendakwa dirinya sebagai Imam Mahdi. Berikutnya di zaman Khilafah Abbasiyah pula, Abu Ja'far Al-Mansur digelar dan dianggap sebagai Imam Mahdi. Seterusnya di zaman-zaman yang berikutnya terdapat individu-

ternakan bertambah, umat bertambah mulia, dan dia akan hidup selama tujuh atau lapan tahun.”⁹

Individu-individu yang mendakwa diri sebagai Imam Mahdi selama ini tidak menepati ciri-ciri yang disebutkan oleh Nabi s.a.w. Ada di antara mereka yang bukan dari keturunan Fatimah dari jalur Hasan bin Ali. Ada pula yang bersifat zalim dan ganas.

Jika benar dakwaan mereka dahulu sebagai Mahdi, di mana Dajjalnya? Di mana pula Nabi Isa sekarang ini?

Jika benar dakwaan Al-Harith bin Suraij pada tahun 116H sebagai Imam Mahdi, sudah tentu pada masa ini telah keluar sang Dajjal, telah turun Nabi Isa untuk membunuh Dajjal. Hakikatnya tidak pernah berlaku semua itu.

Satu perkara penting yang terkait dengan keluarnya Imam Mahdi adalah bumi Bait Al-Maqdis. Menurut pandangan beberapa ulama, Bait Al-Maqdis pada waktu itu telah pun bebas dari sekatan pihak yang menindas dan menjadi hak mutlak untuk umat Islam. Gambaran yang diberi dalam hadis yang menunjukkan Imam Mahdi solat bersama dengan umat Islam di Masjid Al-Aqsa ketika Nabi Isa turun ke bumi.¹⁰

Kedua-dua ketika itu begitu aman dan tenang sekali. Seperti yang diketahui hari ini pula, isu kedaulatan bumi Palestin masih belum selesai dan konflik masih berterusan. Untuk mencapai keamanan di sana memerlukan masa dan proses yang panjang.

Mantan mufti Mesir, Syeikh Ali Jum`ah pernah menyebutkan bahawa Imam Mahdi yang disifatkan sebagai Al-Muntazar (yang dinanti-nanti) bukanlah bermaksud umat Islam perlu ternanti-nanti akan munculnya. Menurut beliau, umat Islam tidak dipertanggungjawabkan untuk mencari dan meneliti siapakah sebenarnya Imam Mahdi dan bilakah waktu kemunculannya. Apabila tiba masanya dia muncul, dia akan diterima baik oleh semua orang di dunia ini,¹¹ berpandukan sebuah riwayat dari Ali bin Abi Talib pernah berkata,

“Itulah dia (Al-Mahdi) yang akan keluar di akhir zaman ketika ada yang mengucapkan kalimah, “Allah, Allah”, lalu dia dibunuh (kerana itu), lalu Allah menghimpunkan kaum manusia seperti gumpalan awan-awan yang dilembutkan hati-hati mereka (untuk menerima Al-Mahdi) dan mereka tidak melakukan kekerasan sesama mereka..”¹²

There is an end to every journey. Even life will come to an end one moment in time

Lailah Gifty Akita

PICTUREQUOTES . com

PICTUREQUOTES

individu yang mendakwa diri mereka Imam Mahdi.⁸ Mereka percaya bahawa mereka lah yang ditutus untuk menyelamatkan umat manusia dari penindasan, kemiskinan, porak perada keadaan dunia dan segala bentuk kezaliman.

Apabila ditinjau hadis-hadis berkenaan dengan Imam Mahdi, jelas menunjukkan bahawa Nabi s.a.w sendiri menyebutkan ciri-cirinya. Sabda Nabi s.a.w,

“Akan keluar nanti akhir zaman umatku Al-Mahdi. Allah menurunkan bersamanya hujan sehingga bumi mengeluarkan tumbuh-tumbuhannya, dia juga akan memberi harta secara sama rata, binatang

Pada riwayat yang lain juga menyebutkan bahawa Imam Mahdi direstui oleh penduduk langit dan bumi.¹³

Syiekh Ali selanjutnya berkata, riwayat ini membuktikan bahawa kemunculan Imam Mahdi nanti akan disambut baik oleh semua orang yang hidup ketika itu baik yang Muslim atau bukan Islam.

Di samping itu, Syiekh Salih Al-Maghamsi juga menekankan bahawa tanda-tanda Kiamat yang disebut di dalam hadis-hadis bukanlah bermaksud sebagai perintah untuk umat Islam terlalu asyik sehingga mencari-cari bila masanya keluar semua tanda-tanda tersebut.¹⁴

Hakikatnya Imam Mahdi bukanlah dengan dakwaan diri sebagai Imam Mahdi, atau dilantik dari pihak tertentu, atau mengikut kiraan hisab dan zaman yang telah berlalu.

Menurut Al-Marhum Syiekh Ramadan Al-Buti, munculnya Imam Mahdi adalah dengan ketetapan Allah taala yang termasuk di dalam urusan ghaib yang tidak diketahui oleh manusia.¹⁵

Syiekh Uthman Al-Khamis, seorang tokoh ilmuan Kuwait mengatakan bahawa tanda-tanda Kiamat yang disebutkan di dalam hadis-hadis Nabi s.a.w tiada kaitannya dengan keadaan yang melanda dunia hari ini. Seharusnya manusia mempersiapkan diri untuk menghadapi Kiamat kecil iaitu kematian dengan melakukan ketaatan dan kebaikan.¹⁶

Syiekh Abdullah Al-Mutlaq, seorang anggota Majlis Tertinggi Ulama Arab Saudi, apabila ditanya mengenai peperangan-peperangan yang berlaku di negara-negara Islam, adakah ia dari tanda-tanda Kiamat yang besar, menjawab dengan mengatakan bahawa peperangan telah terlalu banyak berlaku dan ia bukan tanda-tanda utama yang terkait dengan Kiamat.

Sejak dari zaman khalifah Islam dahulu telah berlaku peperangan tetapi tidak pula menyebabkan tanda-tanda Kiamat yang disebutkan muncul di hadapan manusia.¹⁷

Banyak lagi pandangan-pandangan ulama tersohor yang menafikan sebarang kaitan keadaan dunia hari ini dengan tanda-tanda Kiamat besar yang disebut di dalam hadis-hadis Nabi s.a.w.

Kesimpulan

Peringatan dan bacaan bahan-bahan mengenai perihal Kiamat perlu diteruskan. Ia merupakan ilmu yang memberi panduan dan peringatan untuk manusia mempersiapkan diri bagi menghadapi Akhirat yang kekal abadi.

Kesedaran terhadap pentingnya membuat persiapan bagi kehidupan akhirat akan membawa



كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٌ

EVERY BEING ON EARTH IS BOUND
TO PERISH.

manusia kepada usaha yang gigih dan berterusan di dunia ini.

Usaha-usaha itu bukan hanya bersifat ibadat khusus sahaja seperti memperbanyak zikir, solat sunat, puasa sunat dan sebagainya, tetapi usaha-usaha bagi melangsungkan kehidupan dunia yang elok dan baik juga perlu diteruskan.

Tidak wajar urusan dunia dihentikan hanya kerana tanda-tanda Kiamat telah muncul. Jika benar sekalipun telah muncul Imam Mahdi seperti yang disifatkan oleh Nabi s.a.w, ia tidak bermaksud urusan dunia sudah terhenti. Bahkan, jika dituruti hadis-hadis berkenaan dengan kemunculan Imam Mahdi, keadaan hidup manusia ketika itu menjadi baik dan urusan kehidupan berjalan seperti biasa.

**“Sekiranya hari kiamat hendak terjadi,
sedangkan di tangan salah seorang di antara
kalian ada bibit kurma maka apabila dia mampu
menanamnya sebelum terjadinya kiamat maka
hendaklah dia menanamnya.”**

(HR. Imam Ahmad 3/183)

**MUSLIM SEJATI
HARUS
OPTIMIS**



¹Hadis Anas bin Malik, Nabi s.a.w bersabda, “Tiada seorang Nabi pun yang diutuskan melainkan mereka memberi peringatan kepada umat masing-masing terhadap sang pendusta yang buta lagi pendusta, sedangkan Tuhan kamu tidaklah buta..” Sahih Al-Bukhari, hadis no. 6598.

²Sahih Muslim, hadis no. 8.

³Hadis-hadis mengenai tanda-tanda Kiamat yang kecil dan besar banyak diriwayatkan di dalam kitab-kitab hadis sehingga mencapai darjah mutawatir secara keseluruhannya.

⁴Sahih Al-Bukhari, hadis no. 6504.

⁵Sahih Muslim, hadis no. 2901.

⁶Majmu` Al-Fatawa, soalan no. 137.

⁷Salih Al-Maghamsi (2011), *Al-Mahdi Al-Muntazar*. Lihat <https://www.youtube.com/watch?v=90SOoNs1Lfo> (8 March 2021).

⁸Abd Al-'Alim Al-Bustawi (1999), *Al-Mahdi Al-Muntazar Fi Dhaw' Al-Ahadith Wa Al-Athar Al-Sahihah*, Beirut: Dar Ibn Hazm, ms. 89-97.

⁹Al-Hakim (2014), *Al-Mustadrak `Ala Al-Sahihain*, Cairo: Dar Al-Ta'shil, jld. 8, ms. 372.

¹⁰Sahih Muslim, hadis no. 247.

¹¹Ali Jum'ah (2018), *Hal Al-Mahdi Al-Muntazar Syakhs Haqiqi Sayazhar Yawman?* Lihat <https://www.youtube.com/watch?v=ZnuycRoSKYQ> (8 March 2021).

Nabi s.a.w pernah mengingatkan dalam sebuah hadis yang bermaksud, “Jika berlaku Kiamat dan ditanganmu masih terdapat benih kurma maka campakkanlah ia ke tanah.”¹⁸

Hadis ini jelas menunjukkan bahawa selagi ada ruang masa hidup di dunia ini, manusia perlu terus menabur bakti dan berusaha.

Dalam menyampaikan penghabaran mengenai hal ehwal Kiamat yang tanda-tandanya perlu disampaikan secara adil dengan tidak menetapkan bila waktunya serta tidak dijadikan sebagai bahan untuk menakut-nakutkan orang ramai supaya meninggalkan urusan dunia dan memberi tumpuan terus kepada urusan akhirat.

Semoga kita terpelihara dari diperdaya dan diasyikkan dengan urusan-urusan yang bukan utama dalam kehidupan beragama sehingga melakukan perkara yang sia-sia.

¹²Al-Hakim (2014), *Al-Mustadrak `Ala Al-Sahihain*, jld. 8, ms. 366.

¹³Ibid. ms. 233.

¹⁴Al-Maghamsi (2011). Lihat:

<https://www.youtube.com/watch?v=90SOoNs1Lfo> (8 March 2021)

¹⁵Sa'id Ramadan Al-Buti (2018), *Asyrat Al-Sa'ah Zuhur Al-Dajjal*. Lihat <https://www.youtube.com/watch?v=lBqf4m6nV18> (8 March 2021).

¹⁶Uthman Al-Khamis (2020), *Hunaka Man Yatadawal Anna Ibtila' Korona Huwa Min 'Alamat Al-Sa'ah Al-Kubra: Hal Haza Al-Kalam Sahih?* Lihat <https://www.youtube.com/watch?v=hJsAj0sS4DM> (10 March 2021).

¹⁷Abdullah Al-Mutlaq (2017), *Hal Nahnu Fi 'Alamat Al-Sa'ah Al-Sughra Wa Al-Kubra?*, Lihat <https://www.youtube.com/watch?v=XO-ZZdAnG8Y> (10 March 2021).

¹⁸Al-Bukhari, *Al-Adab Al-Mufrad*, hadis no. 479.



Ulasan Novel *Dunia Bukan Kita Punya*: Beberapa Pelajaran Tentang Wasatiyah (Kesederhanaan)

Oleh Ustaz Muhammad Husin Bin Masnin

Pendahuluan

Mengajak masyarakat ke arah kebaikan dan mencegah dari kemungkaran tidak terhad pada ceramah, pertuturan atau penulisan ilmiah sahaja. Ia boleh disampaikan dengan cara kreatif agar dapat menarik masyarakat ke arah yang diingini seperti penulisan kreatif dalam bentuk novel.

Novel sastera bukan hanya mengisahkan kisah percintaan, tragik, sedih dan aksi, tetapi ia menggabungkan antara fakta, imaginasi dan matlamat. Ia tidak terhad pada hiburan semata, bahkan lebih pada menyampaikan idea dan tujuan dengan gaya kreatif dan imaginasi agar pembaca dapat meraih manfaat.

Masuri S.N. berkata, "Seorang sasterawan itu pada hakikatnya adalah juga seorang intelektual zamannya. Mengapa? Kerana sasterawan (seperti juga kaum intelek) terjumlal dalam golongan manusia yang yakin bahawa idea itu penting dirasakannya; yakni 'to whom ideas are emotionally important'. Dengan demikian, sasterawan sejati sekaligus memainkan peranan tanggungjawabnya sebagai jurubicara masyarakat dan zamannya."¹

Rencana ini mengambil contoh dari novel *Dunia Bukan Kita Punya*, karya sasterawan mapan Singapura Suratman Markasan yang menyentuh kepentingan kesederhanaan dalam hidup untuk mencapai kebahagiaan dunia dan Akhirat.

Mengenali Suratman Markasan²

Dilahirkan pada tahun 1930 di Pasir Panjang Singapura. Nama yang tidak asing dalam dunia kesusteraan Singapura ini telah memenangi

pelbagai anugerah samada di luar atau di dalam negara antaranya: SEA Write Award (1989); Tun Seri Lanang (1999); Anugerah Pujangga UPSI (2003); Pingat Budaya (2010); Anugerah Mastera (2014).

Beliau telah menghasilkan pelbagai genre penulisan seperti novel, cerpen, puisi dan esei. Antara karya-karya beliau: *Tak Ada Jalan Keluar* (1962); *Matahari Kota* (1979); *Conflict* (1980); *Perempuan Kerudung Hitam* (1991); *Potret Isteri yang Hilang* (1993); *Di Bumi Mana* (1996); *Subuh Hilang Senja* (2004); *Puisi Luka dan Puisi Duka* (2004); *Tiga Lelaki* (2005); *Dunia Bukan Kita Punya* (2011); *Kembali Ke Akar Melayu Kembali Ke Akar Islam* (2013); *Dari Perang Datang Sampai Kamoe San Masuk Melayu* (2015); dan *Mengasah Kalam* (2019).

Novel *Dunia Bukan Kita Punya*³

Novel ini mengisahkan seorang protagonis bernama Haji Shukran yang kuat mengamalkan ajaran agama, tetapi memudarangkan orang lain terutama ahli keluarganya akibat keterlampauan dalam pelaksanaan dan pemahamannya tentang Islam.

Isterinya Hajah Salamah dan anak sulungnya Jamil terpaksa memikul tanggungjawab membesarakan keluarga kerana perbuatan Haji Shukran yang meninggalkan keluarga selama 16 tahun dengan alasan berdakwah serta pemahaman agamanya yang salah.

Namun, pada penghujung hayat Haji Shukran, dia mendapat sinar petunjuk. Beliau insaf akan kesilapannya dalam memahami agama dan sempat memohon maaf kepada teman-teman dan ahli keluarganya.

Terdapat enam pelajaran penting tentang kesederhanaan yang dapat dicerna dari novel *Dunia Bukan Kita Punya*.

Pertama: Kesederhanaan dalam memahami teks agama

"Menurut Sal yang bebal ni Abang Haji... perkara Abang tidak sembahyang itu, jangan dikaitkan dengan akad nikah kita. Orang yang meninggalkan sembahyang dengan sengaja itu hukumnya memang berdosa... itu sudah jelas menurut hukum Islam... yang harus dilakukan oleh orang yang meninggalkan sembahyang, haruslah menghadoq sembahyang yang ditinggalkan... tetapi... tidak membatalkan perkahwinan kita... ijab kabul kita... kerana meninggalkan sembahyang tidak terkeluar dari Islam. Oleh itu pernikahan kita tetap sah... kita masih Islam. Kita masih suami dan isteri... kita tidak terkeluar dari Islam Bang..."⁴

Ini adalah kata-kata Hajah Salamah, isteri kepada Haji Shukran, apabila berlaku pertengkaran disebabkan Haji Shukran mengatakan dia sudah terkeluar dari Islam kerana meninggalkan solat dan sekaligus mendakwa perkahwinan mereka turut terbatal.

Pendapat Haji Shukran itu adalah berlandaskan fahamannya sendiri terhadap hadis Nabi yang banyak memperkatakan bahawa siapa yang meninggalkan solat telah kafir, antaranya ialah,

"Yang membezakan seorang (mukmin) dengan syirik dan kafir itu ialah meninggalkan solat."⁵

"Perjanjian di antara kami dan mereka (orang-orang munafik itu) ialah dengan solat. Maka sesiapa yang meninggalkannya sungguh dia telah menjadi kafir."⁶

Kitab Fiqh Manhaji menyebut bahawa hadis mengatakan mengenai hukum kafir bagi orang yang meninggalkan solat adalah ditujukan kepada mereka yang mengingkari kewajipannya atau meremehkannya.⁷ Manakala, mereka yang meninggalkan solat disebabkan malas di samping itu mengakui akan kewajipannya tidak dihukum

kafir. Syeikh Wahbah Al-Zuhaili turut cenderung kepada pendapat ini.⁸

Maka memahami teks agama perlu merujuk pada penjelasan para ulama agar ianya bersifat sederhana dan menjauhi sifat pelampauan. Ianya tidak boleh difahami hanya secara literal sahaja.


Kedua: Kesederhanaan dalam berdakwah

"Mereka ini... atau kumpulan ini dengan cita-citanya itu cukup tinggi!..." sebut Ustaz Haji Rahmat, "Tapi mereka selalu lupa dengan tanggungjawab terhadap keluarga sendiri; terhadap isteri dan anak-anak mereka... sedang tugas utama... dan pertama adalah keluarga... keluarga kita itulah

tanggungjawab yang pertama dan terawal yang harus kita bela yang harus kita nasihat, kita ajar... tapi ini tidak... belum menjaga dan mengajar dan mendakwah keluarga, mereka mendakwah orang lain dulu bagaimana?... Ini konsep yang kurang betul Ustaz... malah ada yang mengabaikan pekerjaan mereka... jadi bagaimana kita hendak harapkan bangsa dan agama kita maju dan meningkat dengan baik dan tinggi... kalau orang seperti itu... meninggalkan keluarga dan meninggalkan pekerjaannya?"⁹

Haji Shukran merupakan anggota jemaah yang aktif ke luar negara untuk

berdakwah. Namun, niat baiknya itu mendatangkan mudarat kepada keluarganya apabila beliau sanggup mengabaikan mereka selama 16 tahun tanpa sebarang nafkah dan berita. Sedangkan ajaran Islam mewajibkan suami menjaga kebajikan keluarga dengan memberi nafkah sebagaimana firman Allah taala, "Dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya." (Al-Baqarah: 233)



Malah jika ditelusuri dakwah Rasulullah s.a.w., kita akan dapati bahawa kesungguhannya dalam berdakwah tidak menjadikannya mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga. Rasulullah s.a.w. bersabda, "Sebaik-baik kalian adalah yang paling baik terhadap keluarganya, dan aku adalah yang paling baik terhadap keluargaku."¹⁰

Manakala sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Salman r.a., "Sesungguhnya Tuhanmu mempunyai hak ke atas kamu, dan tubuh badanmu mempunyai hak ke atas kamu, dan ahli keluargamu mempunyai hak ke atas kamu. Maka berikanlah setiap yang mempunyai hak itu haknya."¹¹

Justeru sifat kesederhanaan dalam berdakwah tidaklah seharusnya mengabaikan tanggungjawab yang ada kerana ia akan mengakibatkan kemudaran kepada orang lain.

Ketiga: Kesederhanaan dalam berpoligami

"Abang Haji harus sedar apa yang Abang Haji lakukan sekarang bukanlah kerana nafsu... Abang Haji berkahwin dengan Munah, bukan kerana nafsu. Itu jelas... tapi Abang Haji berkahwin dengan Munah semata-mata Sunnah Nabi... dan Abang Haji sekarang menjalankan kewajipan untuk agama..."¹²

Petikan ini merupakan kata-kata isteri kedua Haji Shukran yang meredai perkahwinannya. Haji Shukran mempunyai tiga orang isteri. Isteri pertamanya di Singapura iaitu Hajah Salamah, kedua di Terengganu iaitu Munah dan ketiga Siti Zaleha di Kuantan.

Perkahwinannya yang kedua dan ketiga tidak diketahui isteri pertamanya kerana Haji Shukran giat berdakwah di luar negara. Haji Shukran juga berpoligami untuk menjauhi fitnah kerana isteri kedua dan ketiga merupakan anak muridnya sendiri.


Meskipun Islam membenarkan berpoligami, tetapi ianya harus mematuhi syarat asas, iaitu adil. Malangnya apa yang dilaksanakan Haji Shukran tidak mencerminkan ajaran Rasulullah s.a.w. Lebih dari itu ia tidak membawa kepada keadilan malah menzalimi isteri pertamanya Hajah Salamah dan

anak-anaknya kerana meninggalkan mereka tanpa nafkah. Allah taala berfirman,

"Dan jika kamu khawatir tidak berlaku adil terhadap perempuan yatim, maka kahwinilah perempuan yang kamu senangi, dua, tiga atau empat. Tetapi jika kamu khawatir tidak berlaku adil maka (nikahilah) seorang sahaja atau hamba sahaya perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu lebih dekat agar kamu tidak berbuat zalim." (Al-Nisa': 3)

Imam Al-Qurtubi berkata dalam menafsirkan ayat ini, "Dilarang bernikah lebih dari satu yang membawa kepada ketidakadilan dari segi pembagian masa dan pergaulan yang baik."¹³

Walaupun berpoligami dengan niat yang baik, tetapi perlu dilakukan sesuai dengan prinsip kesederhanaan Islam dan memberi kesan yang baik kepada semua pihak iaitu dengan menjalankan tanggungjawab secara adil.



Keempat: Kesederhanaan dalam menerima pandangan

"Ikutlah tabiat Nabi; Dia mendengar, mendengar dan mendengar... sebanyak tiga kali, tapi anta Tuan Haji Shukran... anta tidak pernah hendak mendengar sedikit pun pendapat orang lain!... Bila orang lain berpendapat... anta cepat-cepat berfikir itu tak betul... lalu anta meninggalkan majlis... anta kata pendapat orang lain tak betul... anta berpendapat anta saja yang betul!... Macam mana anta kata pendapat orang lain tak betul, sebelum

anta mendengar pendapat orang lain itu anta sudah pergi?..."¹⁴

Haji Shukran dikenali di kalangan teman-temannya sebagai seorang yang susah untuk dibawa berbincang dan tidak mahu menerima pandangan orang lain, bahkan merasakan diri sendiri yang sempurna.

Allah taala berfirman,

"Dan jika Tuhanmu menghendaki, tentu dijadikanNya umat manusia yang menurut agama yang satu, tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat. Kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanmu. Dan untuk itulah Allah menciptakan mereka, Kalimah (keputusan) Tuhanmu telah tetap: Aku pasti akan memenuhi neraka Jahanam dengan jin dan manusia yang derhaka semuanya." (Hud: 118-119)

Imam Ibn Kathir berkata mengenai tafsiran ayat ini, "Perbezaan masih tetap terjadi di antara manusia dalam perkara agama, keyakinan, ikutan, mazhab dan pandangan."¹⁵

Justeru, perbezaan pandangan dan pendapat tidak dapat dielakkan. Ia merupakan sifat semula jadi manusia yang dianugerahkan Allah taala. Mustahil untuk seluruh manusia mempunyai fikiran yang sama. Kita boleh mengambil pengajaran dari adab para ulama terdahulu seperti ulama mazhab yang berbeza pandangan tetapi tidak membawa kepada perpecahan, bahkan saling menghormati dan bersikap toleransi.

Buya Hamka berkata mengenai kesederhanaan dalam berfikir, "Satu kegilaan yang menghilangkan sederhana ialah merasa kagum pada diri sendiri. Pongah dengan nama dan turunan sehingga lupa menyelidiki di manakah kekurangan diri. Kesudahannya segala kesalahan hanya ada pada orang lain tanpa saya sendiri suci, benar, jujur [sic]. Kita sahaja yang berkata begitu, tanpa kita insafi,

orang yang jujur pun pergila seorang demi seorang."¹⁶

Kelima: Kesederhanaan dalam kehidupan

"Ini sangat bertentangan dengan orang-orang dan pendapat Haji sendiri yang mengatakan bahawa dunia ini untuk orang-orang kafir sahaja... maka itu kita orang-orang Islam tidak perlu bekerja keras untuk mendapatkan harta banyak dan hidup senang di dunia, kerana kerja dan tugas orang Islam hanyalah untuk beribadah sebagai bekal di akhirat nanti..."¹⁷


Haji Shukran berpendapat bahawa 'dunia bukan kita punya' dan tidak perlu berusaha untuk mencapai kebahagiaan dan kejayaan di dunia. Bagi beliau, seorang Muslim hanya perlu berusaha untuk Akhirat sahaja.

Jika diteliti firman Allah taala, "Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia" (Al-Qasas: 77)

Imam Ibn Kathir menulis dalam mentafsirkan ayat ini, "Gunakanlah apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu berupa harta yang melimpah dan kenikmatan yang panjang dalam berbuat taat kepada Tuhanmu dan bertaqarrub kepadaNya

dengan pelbagai amalan yang dapat menghasilkan pahala di akhirat."¹⁸

Islam bersifat sederhana dalam mengimbangi kehidupan dunia dan Akhirat. Tidak menjadi satu kesalahan untuk menikmati kesenangan di dunia asalkan tidak melupakan tanggungjawab dalam melaksanakan ibadat dan taat kepada Allah. Malah terdapat dari kalangan para sahabat yang kaya seperti Uthman bin Affan, Abdul Rahman bin Auf



dan Zubair bin Awwam. Justeru, Muslim yang bertakwa bukan hidup di dunia berkeadaan daif meminta-minta. Dia perlu mengimbangi keperluan hidupnya di dunia dan Akhirat.

**Keenam:
Kesederhanaan dalam
memanfaatkan barang
buatan bukan Muslim**

“Itulah saya bilang... dunia ini tempat orang kafir Encik Imran!... Encik Omar!... Tengok apa yang dicipta oleh si kafir?... semuanya merosakkan orang Islam... TV, peti video, komputer dan lain-lain mesin... semuanya mengkhayalkan... bukan saja orang-orang muda... tapi orang-orang dewasa juga...”¹⁹

Haji Shukran berpandangan bahawa apa yang diciptakan oleh bukan Muslim memudaratkan dan merbahaya. Sikap ini bertentangan dengan firman Allah taala,

“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran, dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. Dan bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (Al-Ma’idah: 8)

Allah taala turut berfirman, “Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangimu kerana agama dan tidak mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang berlaku adil.” (Al-Mumtahanah: 8)

Maka tidak adil untuk menganggap apa sahaja hasil ciptaan dari bukan Muslim tidak bermanfaat dan memudaratkan. Walaupun Syeikh Yusuf Al-Qardhawi banyak mengkritik kelemahan tamadun

barat, beliau mengakui kesan positif tamadun barat yang terus berkembang terutamanya dalam bidang teknologi yang banyak memudahkan urusan



seharian manusia.²⁰

Tidak menjadi satu kesalahan untuk memanfaatkan sesuatu alat ciptaan yang baik dan berguna, tetapi pengguna perlulah bijak untuk menyaring apa yang boleh membawa kepada kerosakan diri.

Penutup

Menyampaikan dakwah tidak terhad pada cara biasa yang diketahui umum. Ia boleh dipelbagaiakan untuk menarik sasaran yang ditujukan.

Justeru *Dunia Bukan Kita Punya* merupakan alternatif lain dalam mengajak masyarakat kepada kesederhanaan dalam kehidupan dalam bentuk novel sastera.

Akhir kalam, dinukilkkan kata-kata Suratman Markasan,

“Selain itu yang harus disedari oleh seseorang penulis bahawa mereka adalah antara golongan intelejensi bangsanya, maka itu di samping bercerita, dia harus membawakan sesuatu maksud yang ingin disampaikan kepada khalayak pembacanya, adalah sesuatu yang bermakna dan bernilai tinggi sehingga dengan itu penulis mengajak khalayak pembacanya berfikir dan terus berfikir!”²¹

Nota:

¹Masuri Salikun (2005), *Dalam Merenung Dalam*, Singapura: Angkatan Sasterawan 50, ms. 194.

²Lihat Mohamed Pitchay Gani (ed.) (2005), *Leksikon: Direktori Penulis Melayu Singapura Pasca 1965*, Singapura: Angkatan Sasterawan 50, ms. 186.

³Suratman Markasan (2011), *Dunia Bukan Kita Punya*, Singapura: Darul Andalus Pte. Ltd.

⁴Suratman Markasan (2011), *Dunia Bukan Kita Punya*, ms. 34.

⁵Muslim bin Al-Hajjaj Al-Qusyairi Al-Naysaburi (2006), *Sahih Muslim*, Kitab Al-Iman, Bab Bayan Itlaq Ism Al-Kufr `Ala Man Tarak Al-Solah, no. 82, Riyad: Dar Al-Tayyibah, ms. 52.

⁶Muhammad bin Isa Al-Tirmidzi (1996), *Sunan al-Tirmidzi*, Abwab Al-Iman, Bab Ma Ja' Fi Tark Al-Solah, no. 2621, jld. 4, Beirut: Dar Al-Gharb Al-Islami, ms. 365.

⁷Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan Ali Al-Sharbaji (1992), *Al-Fiqh Al-Manhaji*, Damsyiq: Dar Al-Qalam, jld. 1, ms. 104.

⁸Wahbah Al-Zuhaili (1985), *Al-Fiqh A-Islami Wa Adillatuh*, Damsyiq: Dar Al-Fikr, jld. 1, ms. 505.

⁹Suratman Markasan (2011), *Dunia Bukan Kita Punya*, ms. 77.

¹⁰Muhammad bin Isa Al-Tirmidzi (1996), *Sunan Al-Tirmidzi*, Abwab Al-Manaqib, Bab Fi Fadl Azwaj Al-Nabi s.a.w, no. 3895, jld. 6, ms. 188.

¹¹Muhammad bin Ismail Al-Bukhari (2002), *Sahih Al-Bukhari*, Kitab Al-Saum, Bab Aqsam `Ala Akhiih Liyuftir Fi Al-Tatawwu` Wa Lam Yara `Alaih Qada'an Iza Kana Awfaq Lah, no. 1968, Dimasyiq: Dar Ibn Kathir, ms. 473.

¹²Suratman Markasan (2011), *Dunia Bukan Kita Punya*, ms. 120.

¹³Muhammad bin Ahmad Al-Qurtubi (2006), *Al-Jami` Li Ahkam Al-Qur'an*, Beirut: Muassasah Al-Risalah, jld. 6, ms. 37.

¹⁴Suratman Markasan (2011), *Dunia Bukan Kita Punya*, ms. 141.

¹⁵Ismail bin Umar bin Kathir (1997), *Tafsir Al-Quran Al-'Azim*, Riyad: Dar Al-Tayyibah, jld. 4, ms. 361

¹⁶Haji Abdul Malik Karim Amrullah (2009), *Falsafah Hidup*, Selangor: Pustaka Dini, ms. 221.

¹⁷Suratman Markasan (2011), *Dunia Bukan Kita Punya*, ms. 170.

¹⁸Ismail bin Umar bin Kathir (1997), *Tafsir Al-Quran Al-'Azim*, jld. 6, ms. 253.

¹⁹Suratman Markasan (2011), *Dunia Bukan Kita Punya*, ms. 229.

²⁰Lihat Yusuf Al-Qardawi (2006), *Al-Islam Hadharah Al-Ghad*, Kaherah: Maktabah Wahbah, ms. 29.

²¹Suratman Markasan (2019), *Mengasah Kalam: Membina Kritikan Sastera Di Singapura*, Singapura: Unggun Creative, jld. 1, ms. 22.

BUKAN MAHU APA

BUKAN MAHU SIAPA

MUNGKIN DIA PUNYA HARTA

TAPI MASIH LAGI BERSEDERHANA

MENJAGA SANTUN TIKA BICARA

DEBAT BERPANTUN BERPERIBAHASA

BILA TIKA EGO BERKUASA

DIAM DAN RELA MENUTUP MARAHNYA

MUNGKIN SUDAH ADA

TAPI TIDAK BERSEDIA

MUNGKIN SUDAH BERSEDIA

TAPI ITU BUKAN DIA

YANG PASTI DIA BUKAN SEMPURNA

ASAL CUKUP MELENGKAP JIWA

SAAT DUKA SAAT NESTAPA

GEMBIRA ITU NERACA BAHAGIA

KHABARKAN BERITA PADA BONDA

BUKAN KITA BERPUTUS ASA

CUMA CERITERA PADA YANG KUASA

JANGAN DIDAMBA YANG PASTI ADA

...

...

JIKA HAYAT ITU ADA

SELAGI HAYAT ITU ADA

HAYAT ITU MASIH ADA



RAFAE AHMAD



Digging Through the Sands of Time: The Neglected Story of Kharijite Poetry

By Ustaz Abu Bakar Assiddiq Bin Omar

The Kharijites¹ were a religio-political group which emerged amidst the backdrop of an uncertain Arabia. An Arabia which was finding its foothold after the passing of the Prophet Muhammad.

The Prophet Muhammad was, among many things, a leader. Hence, his succession was an extremely contentious issue. So contentious in fact, that it was enough to drive a wedge between Muslims such that by the time of the Umayyad and Abbasid caliphates, Muslims were not only identified by their monotheistic faith, but by their factional allegiances too.

However, this article sets itself apart (no pun intended) from other Kharijite related articles/essays as it explores an often-neglected aspect² of the Kharijites – its poetry. Kharijite poetry is a collective term that refers to the group's literary output.

So, the questions we must then ask ourselves are two-fold:

Firstly, why was Kharijite poetry neglected? And secondly, if it was neglected in the first place, does it merit any academic or scholarly study?

Before answering the first question, it is important to view and understand the importance of literature, specifically poetry, in ancient Arab societies.

Poetry and poets were very significant then, such that oratory competitions were regularly held and the best works were hung on the *Ka'bah*.

In fact, *Ibn Rashiq Al-Qairawani*³ provides an apt commentary on the significance of the poet to the tribe,

"The old practice of the Arab tribes if one of them flourished as a poet; was to gather its tribesmen in congregation and congratulate him. In celebration of this milestone, food was prepared, women gathered to play the lute just as in weddings and the men and young boys mingled happily. This was because the poet served as the protector of the tribe's dignity and lineage. He also immortalizes the tribes' exploits and eulogizes its fallen. And the Arab tribes never celebrated except for these occasions: the birth of a boy, the success of its poets or the breeding of its horses."⁴

In ancient Arabia, poets served as the de facto spokespersons of their respective tribes. As time went on and Arabs shifted from a nomadic lifestyle to an urban one, poetry still enjoyed an important place in society, even in the Rashidun, Umayyad and Abbasid caliphates.

Here, we can see history repeating itself. Just as poets in the past aligned themselves tribally, poets in these eras aligned themselves politically. There were poets who sympathised with the Umayyads, poets who supported the Abbasid cause and poets who championed Kharijite legitimacy.

Even so, the works of the Umayyad and Abbasid poets were collected and preserved in *dawaween* (compendiums) while a significant number of works by Kharijite poets were lost and scattered to the sands of time. The body of work that survives is understandably incomplete.⁵

Why was that so? A possible explanation is that the Kharijite's narrative⁶, while popular to certain

individuals and sections of society, did not appeal to the larger populace. After all, the Kharijites were seen as renegades and social pariahs. Ultimately, this was the nail in the coffin in the preservation of their literary works as Arab society despite its advances and urbanisation was still relatively an oral society.

The popular poems will undoubtedly be recited by many people and this symphony of wagging tongues eventually reaches the ears of the scribes who eventually will record and preserve these poems in written records or compendiums.

Unfortunately, most of Kharijite poetry was not accorded this privilege. Simply put, Kharijite poetry disappeared by virtue of being the unpopular narrative of the day. Even so, this is not an isolated incident. Literatures from other cultures have disappeared for similar reasons.

What comes to mind in fact, is Hesiod's Theogony.⁷ Modern scholars believe that there was not a single Theogony, in fact there were many. However, Hesiod's version of the Theogony is the only version that survives today.⁸

Interestingly, ancient Greece too was an oral society. While ancient Greece preceded the

Kharijites by a very long time, a similar phenomenon occurred slightly before the advent of the Kharijites.

During the early years of the Prophet's call to Islam, he faced opposition and threats in many forms. Most people were acquainted with the physical dimension of the threats which manifested in the form of wars, battles and skirmishes.

However, the Prophet also faced threats verbally and this came in the form of poets. Ka'ab ibn Zuhair, before embracing Islam, recited verses of poetry in opposition to the Prophet. In fact, the Prophet had a companion who specialised in defending the Prophet through the eloquent use of poetry – he was Hasan ibn Tsabit.

Thus, just as there were poems recited in praise and in defence of the Prophet, there were also poems recited in mockery and in defamation of the Prophet during his era. However, as the Prophet's mission succeeded and the whole of Arabia embraced Islam, the laymen and the poets began to abandon the vile poetry that desecrated the persona of their prophet and messenger. Naturally, that form of poetry slipped into oblivion.

As such, we arrive at the conclusion and the answer to the first question: When competing narratives exist, the most popular and most appealing narratives to the masses tend to withstand the test of time. It is no coincidence then that Sunni Islam and Shiite Islam have endured to this today.

As for the second question, with regards to studying Kharijite literature, it certainly merits an academic or scholarly endeavour.

Previously, it was established that the Kharijites did not leave behind for future generations much of their literary body. It is especially so then, that their surviving works be given the required scholarly scrutiny and study.

Studying Kharijite poetry provides a glimpse into the inner-workings of the Kharijite himself, as in addition to the poems revolving around their ideology, Kharijite poetry deals with very intimate topics too, from bravery in the battlefield to the mourning of a lost loved one.⁹

"There will emerge some youth who will read the Quran, but it will not go beyond their throats. Every time a group of them rebel, they will be cut down, until the Anti-Christ appears in their ranks."

A statement of the Prophet Muhammad
صلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

THE 'RELIGIOUS' INSURGENCY OF THE

KHAWĀRIJ

الخوارج

THE KHAWĀRIJ AND THEIR CHARACTERISTICS

Most importantly, a linguistic study of Kharijite poetry will undoubtedly offer insights on how language is weaponised for nefarious ends.¹⁰

It is easy to forget that Kharijite poetry existed amidst a backdrop when poetry had a special standing in society as poetry was and still is a potent vector of ideas. Even if the Kharijites themselves did not have a significant following as compared to other factions, the fact remains that their ideology appealed to certain people and sections of society.

Notes:

¹Arabic: *Khawarij*. It refers to a group of Muslims who were initially followers of the fourth caliph of Islam, Ali Bin Abi Talib but later went against Ali and broke away from him. They are believed to be the first Muslim group in history to practise the excommunication of believers (*takfir*). This legitimised violence on those whom the *Khawarij* deemed to be infidels.

²Notable academic research on Kharijite poetry has been done by MS Sullivan, A. Flayyeh and A. Al-Salehi. See MS Sullivan, *Manifestations of religious individualism in Kharijite poetry*, The University of Texas at Austin and A. Flayyeh and A. Al-Salehi, *Al-Shurat picture in the Kharijite poetry*, The University of Jordan.

³Ibn Rashiq Al-Qirawani (1985), *Al-Umdah Fi Mahasin Al-Shi'r Wa Adabih*, Dar Al-jail, 5th edition p. 65.

⁴Ibid, translation is my own.

⁵Fragments on Kharijite poetry that survived can be found in Al-Mubarrid's *Al-Kamil*, Al-Asfahany's *Al-Aghany* and Al-Tabari's *Tarikh Al-Umam Wa Al-Muluk*.

⁶The Encyclopaedia Britannica described the Kharijites as “highly inflammable fanatics, intolerant of almost any established political authority. They incessantly resorted to rebellion and, as a result, were virtually wiped out during the first two centuries of Islam”.

⁷“Theo” meaning God and “Gony” meaning origin, the *Theogony* is an epic poem on the origin of the universe according to the ancient Greeks. It also recounts and details the tumultuous relationships between the gods which culminates in the establishment of Zeus as the final and definitive ruler of the world.

For better or for worse, Kharijite poetry was a victim of circumstance and history. What remains today is a far cry of what could have been, had it survived.

Studying Kharijite poetry then has its merits for it offers many interesting lessons and insights, especially so when many parallels can be drawn when juxtaposing the actions of the Kharijites and its violent modern-day incarnations.

⁸See the introduction in Hesiod's *Theogony* by Richard S. Caldwell.

⁹Ali Jaffal cites an example of such a verse in his book *Al-Khawarij: Tarikhuhum Wa Adabuhum*. Here he recounts a vivid example of the mourning of Imran ibn Hittan over the death of Mirdas ibn Adiyyah. The opening verse reads: “O eye! Cry for Mirdas and his loss, O lord of Mirdas I ask that you give me the same fate as him!”. The translation of this verse is my own.

¹⁰For an in depth look on this issue, see Asma Asfarudin as she elaborates more on the modern-day usage of poetry by IS in her article titled, *A new weapon of Islamist extremists is...poetry?*, for *The Conversation*.

